

TARIKH	25 / 04 / 2014	SEKSYEN	LUAR NEGARA
MUKA SURAT	30	RUANGAN	RINGKAS GLOBAL

## Ringkas Global



### 2 lagi korban MERS-CoV di Arab Saudi

RIYADH 24 April - Sekurang-kurangnya dua orang yang dijangkiti virus Sindrom Pernafasan Koronavirus Timur Tengah (MERS-CoV) dilaporkan meninggal dunia, manakala 13 yang lain disahkan dijangkiti virus tersebut.

Kementerian Kesihatan Arab Saudi berkata, kes baharu itu dilaporkan berlaku di tengah bandar ini, di barat Jeddah dan kota suci Mekah dan Madinah.

Sehingga kini, seramai 83 orang disahkan meninggal dunia virus itu dikesan pada September 2012.

Isnin lalu, Raja Abdullah memecat Menteri Kesihatan, Adel Fakeih berikutan peningkatan kes MERS yang semakin menular di Arab Saudi. - AP